

Seorang Pujangga Dengan Tiga Wanita

Pada kali ini ruangan “Alam Wanita” kita isi dengan sebuah kisah asmara yang gagal yang dialami oleh seorang pujangga Arab yang terkenal *al-Ustādh* Abbas Mahmud al-Aqqad yang ditulis oleh seorang sasterawan Mesir yang gagah Anis Mansour.

Anis di dalam kisah ini menggambarkan bagaimana al-Aqqad menyintai tiga orang wanita rupawan yang mempermain-mainkan pujangga itu di alam percintaan. Setelah tiga kali al-Aqqad menempuhi alam percintaan yang penuh dengan perasaan azab dan sengsara tetapi gagal, maka sejak dari itu ia tidak beriman lagi kepada kalimah “cinta” dan menganggap kesemua wanita yang hidup di mayapada ini sebagai pengkhianat.

Pada akhirnya beliau mengibaratkan cinta itu sebagai “madu” di mana biasanya madu itu sentiasa dihinggapi oleh lalat dan akhirnya lalat-lalat itu mati terkorban di dalam madu yang manis itu.

(Terjemahan: Abhan Khairi – Kaherah)

Alam Wanita

Aku tidak mati selagi belum
kenal dengan seribu wanita... kata
al-Aqqad, tetapi pujangga besar itu
telah meninggal dunia sebelum sampai pada
bilangan yang dikehendaknya dia mengenali
wanita.

Al-Aqqad menulis tentang sifat-sifat
wanita adalah cara yang bersungguh-sungguh
seolah-olah dia faham benar tentang wanita
dan bagai dia pernah bergaul dengan
wanita-wanita, malah dia kenal wanita
itu sejak dari lahirnya Hawa
lagi hinggalah dia kenal May, atau
Alizah dan Hanumah.

Hubungan al-Aqqad dengan wanita-
wanita
tidaklah secara langsung atau sengaja
dicari, kerana al-Aqqad yang kasihkan
wanita seperti manusia lain juga,
dan pandai menanggapi nasibnya,
juga ianya orang yang romantik,
tahu tentang luka hatinya, merasa
azab dalam bercinta, malah pernah
ianya berlari-lari di jalan dalam memburu
cinta, dan pernah merayap di malam-malam

buta mencari wanita yang telah
menghancurkan cintanya, kemudian
sudah itu terus saja
bersumpah mengabdikan dirinya
di medan sastera hingga membawa pada
kejayaannya, yang agung, dengan itu
al-Aqqad terus menulis, membahas,
membaca agar dia lupakan segala
peristiwa-peristiwa yang berhubung dengan wanita
itu.

Semasa hidupnya al-Aqqad pernah
menyintai seorang penulis,
penulis itu ialah “May Ziade”
di mana cinta itu membawa al-Aqqad
sebagai seorang yang gila dalam
mengharungi lautan cinta itu, dan
May juga benar-benar cinta pada al-Aqqad,
hubungan itu berlalu hingga bertahun-tahun
lamanya, bagi al-Aqqad pula bukanlah
May saja yang telah bersarang di jiwanya
malah ada lagi wanita-wanita lain yang

cuba mencari-cari celah di jiwa
al-Aqqad untuk bersemadi, tetapi
hati dan jiwa al-Aqqad tidak
ada kosong lagi untuk diberikannya,
bagi May pula bukan al-Aqqad saja yang
memujanya malah banyak juga penulis-penulis
lain dalam angkatan al-Aqqad itu yang
cuba untuk mencari jalan menyeberang
ke sungai hatinya, ada yang berterang-terang
meminta agar May sanggup dididik
andainya ingin menjadi penulis yang
agung, dan juga ada pula yang
sanggup menerima May sebagai anak
angkatnya untuk diberikan jalan dalam
masa menuju ke arah cita-citanya dalam
dunia sastera, semua cara itu
semata-mata untuk memikat, dan
masing-masing berlawanan untuk memenangi
cinta itu, dan al-Aqqad lebih bertuah
kerana menang dalam pertarungan itu,
al-Aqqad bangga dengan kemenangannya itu.

Alam Wanita...

Dengan kemenangan itu al-Aqqad sungguh berbangga kerana satu perjuangan dalam dunia mudanya telah menang, kedua penulis muda itu sedang mabuk dalam dunia percintaan, masing-masing melahirkan isi hati mereka, tidak ada satu kalimah yang lebih indah dari kalimah cinta yang mereka katakan, dalam surat-surat pula keduanya menyatakan betapa azabnya ketika berjauhan, itulah kalimah-kalimah yang selalu tercatat dalam surat-surat mereka, apa yang tidak menyenangkan disebut terang-terangan tanpa malu-malu lagi, waktu-waktu pertemuan sulit selalu mereka rancangkan, al-Aqqad juga selalu merintih panjang-panjang dalam suratnya seolah-olah surat itu bukan datangnya dari seorang pujangga besar, dan pada akhir surat itu dikunci dengan syair-syair atau sajak-sajak yang menarik, dalam sajak-sajak itu digambarkannya tentang kecantikan May gadis penulis yang dipujanya itu.

Bilangan lembaran yang panjang-panjang itu terlalu banyak, dan segala lembaran-lembaran itu semuanya disimpan rapi, sebelum al-Aqqad meninggal dimintanya May menyerahkan kembali lembaran-lembaran itu untuk disimpannya, dan al-Aqqad juga sangat-sangat menghargai lembaran-lembaran May, diikatnya semua surat-surat itu bagai emas pula nilainya.

Kalau kita selidiki segala dewan syair al-Aqqad kita dapati semuanya adalah berhubung dengan May belaka, segala pahit dan manisnya dalam melalui dunia cintanya

dilukiskannya melalui syair-syairnya, dalam mengharungi dunia itu pula ada lagi gadis lain yang cuba memuja al-Aqqad dalam waktu yang sama dia memuja May. Dan al-Aqqad adil dalam memberikan kasihnya pada dua orang gadis itu.

Dalam sebuah novelnya “Sarah” al-Aqqad telah melukiskan cintanya yang baharu bertapak itu, kerana cintanya pada May telah padam musnah lalu dialihkannya haluan cinta itu pada Sarah, dengan itu cinta pertamanya telah semakin malap dalam kalbunya dan cinta baharu itu pula datang menerangi alam jiwanya.

Sarah berasal dari Lubnan, hasil percintaan itu al-Aqqad telah menelurkan sebuah novel yang masyhur, dengan rasa penuh cinta itulah maka novelnya itu dinamakan “Sarah”, nama Sarah yang sebenarnya ialah Alizah Daghar, datangnya semua dari keluarga seni belaka, Sarah ketika itu hanya berumur 25 tahun dan al-Aqqad telah lewat 35 tahun, sekali lagi al-Aqqad gila dalam menghirup madu cinta itu, segala gerak-geri Sarah dilukiskannya hidup-hidup dalam segala syairnya, ketika berjalan dalam gelap malam, ketika menonton, berkayuh-kayuh di perahu, semua itu adalah menjadi sumber dalam hasil karya-karya al-Aqqad, tetapi malang kemanisan yang dirasainya ketika itu tidak memanjang, ianya kembali gelap dalam dunia al-Aqqad kerana Sarah juga bersikap sebagai May dulu di mana Sarah ada pula membuat hubungan dengan lelaki lain. Mendengar itu al-Aqqad sekali lagi gelap perasaannya, makan dan tidurnya tidak teratur

lagi, sumbernya untuk menulis telah hilang, bahan-bahan yang dibacanya tidak teratur lagi, dan al-Aqqad bersumpah akan mencari sendiri rahsia-rahsia kegagalan hubungan itu.

Tahir Jablawi kawan karibnya, diperintahnya untuk membantunya dalam mencari rahsia-rahsia itu, bukan itu saja malah dipintanya supaya Tahir mengintip Sarah dalam segala gerak-gerinya mahupun tentang pakaiannya tentang bau yang dipakainya, kerana al-Aqqad tahu yang Sarah memakai bau-bauan adalah mengikut satu-satu munasabah yang tertentu. Kebetulan Tahir ada melihat Sarah berjalan dengan motokar bersama seorang pegawai tentera muda, Tahir terus lari memberitahukan al-Aqqad juga yang sedang mencari-cari Sarah, ketika itu al-Aqqad sedang berada dalam sebuah trem, dan berita itu disampaikan pada al-Aqqad satu-satu tentang pakaiannya tentang potongan rambutnya, al-Aqqad percaya dengan berita itu lalu dimintanya Tahir supaya membawanya ke tempat yang mula dia melihat itu untuk melihat sendiri peristiwa itu. Kedua sahabat itu terus ke Abbasiyah, kemudian ke taman bunga di Quba, tiap-tiap wajah pegawai tentera diperhatinya dengan seorang wanita, katanya kawannya Tahir mencari isterinya, tapi yang sebenarnya Tahir masa itu belum pun kahwin, akhirnya al-Aqqad benar-benar ada melihat Sarah turun dari sebuah rumah, dengan itu al-Aqqad benar-benar sebagai terkena dengan satu panah yang meruncing tajam, dan peristiwa itu membawa cerita sedih itu kembali berdarah dalam hatinya.

Alam Wanita...

Al-Aqqad gembira dengan kenyataan yang baru dilihatnya itu, dan dari itu terus sahaja dia melupai segala wanita yang pernah meminjam singgah di taman hatinya bukan pada May dan Sarah sahaja, semua wanita yang ada katanya khianat belaka. Kawan-kawannya cuba memujuk al-Aqqad agar kembali saja pada Sarah tetapi al-Aqqad tetap dengan keputusannya.

Walau bagaimanapun al-Aqqad tidak dapat melupai terus akan segala peristiwa yang dialaminya itu, luka-luka bekas tikaman Sarah itu kian berdarah, dengan perbuatan khianat itu, al-Aqqad terus sahaja menyumpah-yumpah sekalian wanita-wanita yang ada di muka bumi ini, al-Aqqad memberontak dengan penanya, dihempaskannya segala perasaan bencinya yang berbuku di hatinya itu, masa itu dalam semua karya-karyanya adalah menuduh wanita-wanita selalu curang.

Di pandangan Sarah sebagai bunga yang tidak bersedu lagi, dan dia menuduh wanita-wanita semua lemah pandangan, sempit fikiran, kasihnya cuma pada ibu bapa atau pada anak semata-mata, itulah dunia wanita bagi pandangan al-Aqqad, hidup wanita cuma dalam satu garisan sahaja katanya memerahkan bibir dan mendagangkan diri di tingkap-tingkap atau di jalan-jalan dengan memakai pakaian yang indah-indah bagi memilih lelaki yang nyaman dipandang sahaja, hingga begitu sekali al-Aqqad menuduh kaum wanita, Sarahlah yang menjadi

puncunya kemarahan al-Aqqad pada semua wanita-wanita dengan menghentak satu paku yang tajam bagi wanita-wanita hinggalah akhir hayatnya dia masih lagi marah terhadap kaum wanita, marahnya berkubu di jiwanya.

Sarah masih lagi berulang-ulang datang menemui al-Aqqad di rumahnya namun hubungan itu tidak akan kembali bersambung, al-Aqqad menjaga kehormatan dirinya maka terpaksa menurut kemahuan hatinya dengan memeramkan cinta itu dalam jiwanya, dengan kecurangan Sarah itu maka al-Aqqad menang dalam memelihara kesucian cintanya.

Waktu berumur 50 tahun cinta itu kembali berbunga di jiwanya, dan hati al-Aqqad ketawa bila melihat cinta itu meminta perlindungan dalam renungan hatinya, dengan penuh rasa perikemanusiaan al-Aqqad melayan permintaan hatinya dengan perasaan yang dingin kerana kalimah cinta itu tidak lagi menarik hati, nafsunya untuk bercinta telah padam.

Dalam pertarungan itu al-Aqqad kalah, dan tunduk menyerah di bawah kalimah cinta, dengan itu jiwanya kembali membawa satu harapan baru menerangi hatinya, dan nafsu baru itu membawa al-Aqqad kembali cergas dalam usaha menelurkan karya-karyanya semua hasil-hasil itu dalam bentuk rindu belaka.

Gadis itu masih muda, hitam manis warna kulitnya, perawakannya cantik, rambutnya lebat dan hitam berjurai panjang, orangnya periang selalu gembira,

al-Aqqad kembali menerima cinta yang diberikan oleh gadis itu dengan penuh perasaan. Gambar-gambar gadis itu dialbumkannya, juga surat-surat gadis itu dibukukannya, dalam gambar gadis itu dapat dikatakan bahawa ianya juga pernah merasa apa yang dirasa oleh al-Aqqad, dan gadis itu pula tidak segan-segan memuntahkan segala rahsia hatinya pada al-Aqqad, dan juga dinyatakan bagaimana mula hatinya mengetuk pintu hati al-Aqqad. Banyak juga yang dilakukan baharulah al-Aqqad menjengahkan mukanya membukakan pintu untuk cinta itu singgah bertapak.

Hanumah nama gadis bertuah itu, ayahnya kawan baik al-Aqqad juga, dan bekerja sebagai *driver* keretapi, orangnya selalu pemabuk, sifat-sifat itu tidak dihiraukan oleh al-Aqqad, kerana itu al-Aqqad suka mendengar orang tua itu bercerita apalagi kalau kisah-kisah tua yang dikisahkan oleh kawannya.

Al-Aqqad kembali jatuh rebah dalam usaha membina cintanya, Hanumah juga curang bagi cintanya yang lalu, Hanumah membuat hubungan dengan lelaki lain walaupun begitu al-Aqqad tetap membuat hubungan dengan bapanya untuk mendengar cerita-cerita dari orang tua itu. Pada Hanumah al-Aqqad telah bersumpah tidak hendak melihatnya lagi. Semua cinta yang pernah dilalui oleh al-Aqqad sama sahaja, mungkin kemudaan Hanumah itu membawa ianya mudah dipikat oleh orang lain, sedangkan al-Aqqad telah berumur 50 tahun, biar pun Hanumah menyatakan

Alam Wanita...

bahawa hubungannya itu tidak lebih sebagai hubungan sahabat sahaja tapi al-Aqqad benar-benar mencurigai hubungan itu, katanya cinta itu tidak boleh berkongsi-kongsi, ianya merupakan hak perseorangan, dan al-Aqqad benar-benar bersumpah tidak lagi mahu bercinta sesudah tiga kali gagal dalam melalui dunia percintaan, ingatannya pada Hanumah dilunturkannya jauh dari segala kenangannya yang melukakan hatinya.

Dengan kehancuran cinta itu al-Aqqad meminta kawannya Salah Tahir untuk melukiskan satu potret yang bercoret-coret yang asalnya dari gambar wanita untuk diabadikan di bilik makan dan dalam bilik tidurnya, gambar itu tidak siapa pun dapat memberikan erti yang tepat, hanya al-Aqqad sahaja yang dapat memberikan erti yang tepat. Kata al-Aqqad gambar yang bercoret itu ada mengandungi seribu pengertian pengertian yang menyayat kalbu al-Aqqad sengaja merahsiakan erti-erti coretan gambar yang bersemati di biliknya itu daripada pengetahuan umum.

Itu adalah satu sejarah seni yang lahir dalam jiwa manusia katanya dengan kebijaksanaan al-Aqqad maka rahsia-rahsia gambar itu dapat disembunyikan, manusia tidak dapat memberikan erti dalam gambar itu, hanya pelukis itu dan seorang dua kawan rapatnya yang dapat memberi erti tentang gambar itu, semua orang mengatakan pelik dalam sejarah al-Aqqad.

Tahir Jablawi yang lebih 40 tahun lamanya berdamping dengan al-Aqqad juga tidak dapat memberikan satu pengertian yang sah dalam erti gambar itu, katanya gambar itu hanya al-Aqqad sendiri yang dapat memberikan pentafsirannya katanya, menurut kata al-Aqqad dalam membayangkan erti gambar itu, katanya “Gambar itu merupakan sejenis makanan pagi yang lazat bagi orang-orang yang kenyang atau lapar, dan ianya merupakan sebagai lepas demam, atau lalat mabuk, atau bekas cawan yang baharu dikosongkan dengan manusia atau atau gula yang manis, di mana benda yang manis itu selalunya dihurung oleh lalat, akhirnya lalat itu mati dalam kemanisan itu, tapi gambar itu bukan dimakan oleh orang yang kenyang atau lapar, tapi ianya dapat melapangkan fikiran siapa-siapa yang melihatnya, sebagaimana melihat makanan terhidang di kala pagi.” Gambar itu adalah semahal-mahal harga dalam sejarah hidupnya, bahkan itulah mulanya tarikh seni bertapak di jiwanya, bukan itu sahaja malah adalah tarikh mulanya iman bertapak di hatinya dan ada pula hubungan yang rapat dengan rahsia-rahsia hidupnya sendiri.

Aku kira pujangga al-Aqqad sungguh bijak dalam merahsiakan erti coretan itu, malah penulis itu sendiri dalam mentafsirkannya juga kurang tepat, apa yang ada di sebalik gambar itu mungkin jadi al-Aqqad tidak lagi sanggup menerima cinta dari siapa-siapa juga, Hanumah satu-satunya gadis yang akhir cuba merayap dalam ingatan al-Aqqad, dengan itu maka al-Aqqad mengibaratkannya

sebagai madu, di mana lalat-lalat hinggap akan mati dalam timbunan madu itu, sungguhpun lalat-lalat mati dalam kemanisan madu tapi al-Aqqad tidaklah mati dalam pengorbanan cinta sebagai lalat-lalat lain, malah al-Aqqad mendapat satu kemenangan besar dalam melalui dunia cintanya hinggalah berakhir hayatnya; kemenangan itu membuktikan betapa kuatnya al-Aqqad berpegang pada cintanya.

Dalam waktu itu al-Aqqad bercita-cita biarlah gambar Hanumah itu merosakkan pandangan orang lain agar tidak siapa-siapa lagi yang menghampirinya atau pada al-Aqqad sendiri. Dengan itu hanya memanggil Hanumah itu dengan *honey* sahaja “madu” di mana biasanya madu itu sentiasa dihindangi oleh lalat dan akhirnya lalat itu mati, tapi al-Aqqad tidaklah terjadi sebagai lalat-lalat itu. Potret-potret itu masih lagi bergantung dalam bilik al-Aqqad supaya tiap-tiap hari ditunangnya potret itu, dengan tenungan itu akan menambahkan semangatnya untuk menulis dan menelurkan hasil-hasil hanya dalam dunia sastera dan sebagainya. Al-Aqqad mensifatkan cinta itu tak ubah seperti lalat atau lipas kudung, orang-orang yang disifatkan dengan lalat atau lipas itu tidak lain lagi selain dari May, Alizah dan Hanumah.

Dengan musnahnya ketiga-tiga cinta itu maka al-Aqqad hinggalah berakhir hayatnya terus tidak lagi beriman dengan cinta juga dengan wanita-wanita lain.

Sekianlah sedikit gambaran tentang cinta yang pernah dilalui oleh pujangga agung Mesir itu.